

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1994/95

Jun 1995

PDP 404 - Amalan Teknologi Pengajaran

Masa : [2 jam]

ARAHAN: Kertas soalan ini dibahagikan kepada DUA (2) bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Jawab EMPAT (4) soalan secara memilih DUA (2) soalan dari Bahagian A dan DUA (2) soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A (50 markah)

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

1. Terangkan cara menganalisis item pelbagai pilihan untuk menghasilkan ujian yang bermutu. (25 markah)

2. Apakah definisi Kebolehpercayaan? Bincangkan dua cara mengira nilai kebolehpercayaan bagi sebuah ujian binaan guru. (25 markah)

3. Bincangkan dengan memberi contoh yang sesuai dalam situasi bagaimana ujian berikut boleh berfungsi dengan berkesan.
 - i) Ujian Benar - Palsu
 - ii) Ujian Jawapan Pendek
 - iii) Ujian Esei(25 markah)

...2/-

- 2 -

4. Apakah persamaan dan perbezaan di antara ujian rujukan norma dan ujian rujukan kriteria. Beri contoh dalam situasi bagaimana ujian-ujian tersebut digunakan dengan berkesan.

(25 markah)

BAHAGIAN B (50 markah)

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

5. Senarai dan jelaskan apakah kebaikan-kebaikan dan batasan-batasan televisyen pendidikan sebagai satu medium pengajaran.

DAN

Jelaskan bagaimanakah anda merancang satu pengajaran yang melibatkan penggunaan televisyen pendidikan di dalam bilik darjah.

(25 markah)

6. Bincangkan prinsip-prinsip grafik yang harus dipertimbangkan untuk menghasilkan satu set carta untuk pengajaran bagi satu unit pengajaran.

(25 markah)

7. Terangkan perbezaan antara kesedaran komputer dan kenalfahaman komputer. Beri LIMA (5) jenis pengajaran berbantuan komputer dan bagi setiap satu terangkan ciri-cirinya.

(25 markah)

8. Huraikan ciri-ciri utama di dalam pendekatan sistem. Bincangkan langkah-langkah penting untuk membina atau menerbitkan satu bahan pengajaran dengan menggunakan satu model sistem pengajaran yang anda tahu.

(25 markah)

- oooOooo -